

04/10/2003

PM puas hati Lima `03

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (Lima `03) edisi ketujuh dan terakhir baginya sebagai Perdana Menteri.

Beliau yang mencetuskan penganjuran pameran maritim dan udara terbesar di rantau ini, berpendapat ia begitu lancar walaupun bilangan syarikat yang menyertainya kurang sedikit kali ini.

"Tetapi kualiti penyertaan sangat tinggi. Pempamer kali ini adalah `pempamer serius' dan turut menyaksikan lebih 100 pesawat dipamer dengan sebahagiannya memperlihatkan pameran yang amat menarik.

"Banyak juga bisnes dilakukan pameran maritim serta udara dan saya sangat berpuas hati," katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran dan tandatangan pempamer bagi Lima 2005, di Pusat Pameran Antarabangsa Langkawi (MIEC) di sini, semalam.

Lima `03 yang berlangsung selama enam hari dibahagikan kepada dua segmen dan pameran kepada pelawat perdagangan berakhir semalam. Pameran akan dibuka kepada orang ramai dua hari mulai hari ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri melancarkan Lima 2005 yang dijadualkan berlangsung mulai 6 Disember hingga 11 Disember 2005.

Beliau juga menyaksikan wakil beberapa syarikat, termasuk Eurocopter Malaysia, PJS Industries Sdn Bhd, Sukhoi dan Composite Technology Research Malaysia menandatangani persetujuan menyertai Lima 2005.

Ditanya mengenai perasaannya memandangkan Lima kali ini yang terakhir sebelum persaraan beliau selepas bulan ini, beliau secara berseloroh berkata: "Saya akan berehat...adakah anda mahu saya menangis."

Ketika ditanya sama ada beliau akan menghadiri Lima akan datang, beliau berkata: "Saya tidak tahu."

Mengenai sama ada beliau akan membantu menarik syarikat asing untuk menyertai Lima 2005, Dr Mahathir berkata jika diminta, beliau sedia memberikan ceramah.

"Tetapi jika (anda) meminta saya menyumbangkan wang, (Saya) tidak akan mempromosinya," katanya sekali lagi dalam nada berseloroh.

Mengenai komitmen syarikat untuk menyokong Lima akan datang, Dr Mahathir berharap Lima akan datang akan lebih besar jika tiada sebarang masalah seperti Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) atau lain-lain.

Berhubung tahap kerjasama ketenteraan Russia-Malaysia, beliau berkata kerjasama kedua-dua negara adalah baik dan sentiasa berkembang.

Negara, katanya, sudah tentu berminat bekerjasama dalam bidang lain dan bidang penerbangan awam.

"Kita memberi keutamaan kepada kepentingan negara. Jadi, kita sedia bekerjasama dengan sesiapa saja selagi mereka memindahkan teknologi kepada kita," katanya.